

MITASA

BIL. 2 / 2009



- **Simposium Ke Arah Memperkasakan Akademik Malaysia**
- **Perjumpaan Dengan Menteri Pengajian Tinggi**
- **Lawatan Ke UiTM Terengganu**

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT
Ab Latiff Ishak

EDITOR
Sarimah Ismail

SUB-EDITOR
Mohd Sazili Shahibi
Datin Umminajah Salleh

JURUGAMBAR
Ab Wahab Mohamad

KEWANGAN
Rezian-Na Muhammed Kassim

EDARAN DALAM / LUAR
Hiruani Haslina Che Hassan

URUSAN SURAT MENYURAT

EDITOR
Kesatuan Kakitangan Akademik
Universiti Teknologi MARA (MITASA)
Blok 9, Aras 3
Intekma Resort & Convention Centre
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7
Universiti Teknologi MARA
40000 Shah Alam.
Tel : 03-55225239
Fax : 03-55225240

Emel : mitasa@salam.uitm.edu.my/
mitasa05@yahoo.com

Sidang Redaksi sangat mengalu-alukan sumbangan, rencana, berita dan foto untuk dimuatkan dalam buletin ini. Sumbangan boleh dihantar terus kepada Editor buletin ini di pejabat MITASA.



DARI
MEJA EDITOR



Tahun 2009 menyaksikan usia MITASA 37 tahun. Selepas tiga abad menjadi pejuang kepada kebijakan akademik UiTM dengan pihak pengurusan maka tahun ini juga menyaksikan penambahbaikan kepada pengurusan kesatuan ini.

"Web Kita Bersama" menjadi median info yang berguna untuk ahli-ahli. Justeru itu marilah kita bersama-sama memanfaatkan laman web ini.

Labuhan tirai 2008, diwar-warkan dengan pelbagai ketidaklentuan suasana ekonomi dunia. Tahun 2009 akan memberikan kesan secara langsung atau tidak langsung kepada kita semua. Namun ini tidak akan mematahkan semangat MITASA untuk memberi perkhidmatan sukarela yang terbaik untuk ahli-ahlinya. Sekian, Selamat Tahun Baru 2009.

SARIMAH IBRAHIM

MELANGKAH KE 2009

Saya mengucapkan tahniah kepada Sidang Redaksi Kedua Buletin MITASA yang berjaya menerbitkan buletin ini pada tahun baru 2009. Buletin ini merupakan sokongan kepada segala maklumat yang akan disampaikan kepada ahli-ahli dari masa kesemasa. Saya amat berharap ahli-ahli juga dapat turut sama memberi sumbangan berbentuk artikel atau maklumat untuk kita berkongsi bersama.

Sebagai usaha mempertingkatkan penyebaran informasi yang lebih efisien, MITASA turut membangunkan Laman Web berwajah baru untuk memudahkan ahli-ahli mengekses maklumat secara online. Laman web ini juga membolehkan ahli-ahli mendaftar menjadi ahli secara talian terus dan dapat mengemukakan aduan dan cadangan secara terus dengan pihak MITASA.

Akhir sekali, melangkah ke tahun 2009, semoga tahun ini membawa lebih kecemerlangan kepada warga akademik UiTM.

AB LATIFF ISHAK

SEJENAK BERSAMA
PRESIDEN MITASA



AHLI MAJLIS KERJA

MITASA 2007/ 2009

Presiden :
Naib Presiden :
Setiausaha Agung :
Pen. S/Usaha Agung :
Bendahari :
Ahli Majlis Kerja
(EXCO)

Ab. Latiff Ishak
Hashim Ahmad @ Mohamed
Mohd Sazili Shahibi
Hj Bahman Jamaluddin
Rezian-Na Muhammed Kassim
Zaiha Ahmad
Sarimah Ismail
Datin Umminajah Salleh
Norliza Aminuddin
Norshila Hj Saidin
Mahadzir Mohamad
Ab Wahab Mohamad

019-2818498
016-2233144
019-2839656
019-6795260
019-2276008
019-3793638
013-2541020
013-3678888
013-3601060
019-3332800
019-3406447
019-2097409

PEJABAT PENGURUSAN

Setiausaha Kerja :
Hiruani Haslina Che Hassan
Tel : 03-55225239
Fax : 03-55225240
H/P : 019-3598641
Emel : mitasa@salam.uitm.edu.my /
mitasa@yahoo.com

EXCO-EXCO
MITASA 2007/ 2009

TAHNIAH DATO VC

Ahli Majlis Kerja Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) mewakili keseluruhan ahli Kesatuan, ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas pelantikan semula Y. Bhg. Dato' Seri sebagai Naib Canselor UiTM.

Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) ingin mengambil peluang menyatakan sokongan padu terhadap kepimpinan Y.Bhg. Dato' Seri sebagai peneraju utama satu-satunya universiti di Malaysia yang khusus berperanan memperkuuh kedudukan anak-anak Melayu/bumiputera agar mampu menyaingi kaum lain di peringkat profesional dan separa profesional dalam pelbagai sektor penting di negara ini.

Sepanjang tempoh menerajui UiTM, Y.Bhg. Dato' Seri telah acap kali membuktikan kesungguhan dan kepekaan beliau meletakkan kepentingan anak watan lebih daripada kepentingan peribadi bagi memastikan matlamat penuhuan serta hala tuju UiTM untuk memperkasakan pendidikan tinggi Melayu/bumiputera dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan.

MITASA berpendirian bahawa kepimpinan Y.Bhg. Dato' Seri di UiTM masih diperlukan bukan sahaja oleh warga UiTM, bahkan masyarakat Melayu/bumiputera di negara ini amnya, demi memastikan kesinambungan agenda Melayu yang kini kian tercabar, berdasarkan perkembangan semasa yang menyaksikan pelbagai pihak dari kalangan Melayu dan bukan Melayu mempersoalkan tentang konsep ketuanan Melayu.

Pendirian Y.Bhg. Dato' Seri yang tidak apologetik dalam hal ini dan sentiasa tegar memperjuangkan pendidikan tinggi anak-anak Melayu/bumiputera adalah ciri penting bagi peneraju sebuah universiti bumiputera seperti UiTM.

MITASA juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Seri kerana sentiasa prihatin terhadap kebajikan warga akademik UiTM, di samping mendukung perjuangan MITASA membela kepentingan warga akademik UiTM agar duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan warga akademik di IPTA lain di negara kita.

Harapan MITASA agar Y.Bhg. Dato' Seri mendapat meneruskan khidmat bakti menerajui UiTM dan melaksanakan segala strategi dan perancangan yang telah direncanakan ke arah mengantarabangsaan UiTM agar setanding dengan universiti-universiti tersohor dunia.

AGENDA 2009 MITASA

JANUARI	<ul style="list-style-type: none"> • 8 Januari 2009 • 10 Januari 2009 • 14 Januari 2009 • 16 Januari 2009 • 23 Januari 2009 • 25 Januari 2009
FEBRUARI	<ul style="list-style-type: none"> • 5 Februari 2009 • 27 Februari 2009
MAC	<ul style="list-style-type: none"> • 1 Mac 2009 • 13-15 Mac 2009 • 27 Mac 2009
APRIL	<ul style="list-style-type: none"> • 12 April 2009 • 24 April 2009 • 30 April 2009
MEI	<ul style="list-style-type: none"> • 9 Mei 2009 • 29 Mei 2009
JUN	<ul style="list-style-type: none"> • 26 Jun 2009
JULAI	<ul style="list-style-type: none"> • 3 Julai 2009 • 31 Julai 2009
OGOS	<ul style="list-style-type: none"> • 7 Ogos 2009 • 12 Ogos 2009 • 13 Ogos 2009
SEPTEMBER	<ul style="list-style-type: none"> • 22/09-20/09/09 • 21 & 22 Sept 2009
OKTOBER	<ul style="list-style-type: none"> • 9 Oktober 2009 • 19 Oktober 2009
NOVEMBER	<ul style="list-style-type: none"> • 20 November 2009 • 27 November 2009 • 30 November 2009
DISEMBER	<ul style="list-style-type: none"> • Sepanjang Musim Cuti Sekolah
	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan dengan Dekan • Majlis Kongress CUEPACS • Web Design Progress • Mesyuarat EXCO Bil 11/0709 • Mesyuarat Pertikaian Perusahaan • Perjumpaan dengan Ahli di UiTM Terengganu
	<ul style="list-style-type: none"> • MBJ Bil 1/2009 • Mesyuarat EXCO Bil 12/0709
	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan dengan Ahli di UiTM • Mesyuarat Pra Mesy. Agung I • Mesyuarat EXCO Bil 13/0709
	<ul style="list-style-type: none"> • Perjumpaan dengan Ahli di UiTM Kedah • Mesyuarat EXCO Bil 14/0709 • MBJ Bil 2/2009
	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti Bersama Ahli • Mesyuarat EXCO Bil 15/0709
	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat EXCO Bil 16/0709 • Mesyuarat Pra Mesy. Agung II
	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat EXCO Bil 17/0709 • MBJ Bil 3/2009
	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat EXCO Bil 18/0709 • Mesyuarat Pra Mesy. Agung III • Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-29
	<ul style="list-style-type: none"> • Bulan Ramadhan • Hariraya Aidil Fitri
	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat EXCO Bil 1/0911 • Aktiviti Bersama Ahli (Jamuan Deepavali)
	<ul style="list-style-type: none"> • Mesyuarat EXCO Bil 2/0911 • Hariraya Aidil Adha • MBJ Bil 4/2009
	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel untuk anak ahli

PERJUMPAAN DENGAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI PADA 23 OKTOBER 2008

MITASA telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan secara langsung dengan Menteri Pengajian Tinggi yang baru, Dato Seri Khalid Nordin pada 23 Oktober 2008 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), Putrajaya. Pertemuan tersebut turut disertai Timbalan Ketua Pengarah KPTM dan lain-lain pegawai kanan. Pertemuan tersebut khusus untuk membincangkan mengenai isu-isu untuk menambah baikkan skim pensyarah yang sedia ada. Antara isu yang dibincangkan adalah:

1. Memudahkan kenaikan pangkat pensyarah dan perlantikan pensyarah yang mempunyai PhD terus ke Gred DM52.
2. Permohonan time-based promotion untuk pensyarah-pensyarah UiTM yang pernah diamalkan semasa dalam taraf ITM dahulu.
3. Kenaikan Imbuhan Tetap Keraian(ITK) RM500.00 kepada pensyarah Gred DM45.



Sesi mesyuarat bersama Menteri.



Bergambar kenangan bersama Menteri.

4. Permohonan satu anjakan gaji kerana penukaran taraf ITM kepada UITM untuk warga UiTM.
5. Penilaian terhadap syarat-syarat penilaian kenaikan pangkat antara universiti berteras pengajaran (teaching university) dan universiti berteraskan penyelidikan (research university).
6. Kedudukan pensyarah yang telah bersara kemudian disambung perkhidmatan sebagai pensyarah kontrak.

Pertemuan ini juga adalah sebagai kunjungan hormat Kesatuan Kaitangan Akademik UiTM terhadap perlantikan Dato Seri Khalid Nordin sebagai Menteri Pengajian Tinggi Malaysia yang baru. Pertemuan dan perbincangan berjalan dalam suasana yang harmoni. MITASA berharap dapat menjalankan hubungan yang erat dengan KPTM dari semasa ke semasa demi mempertabatkan kecemerlangan akademik yang berterusan di UiTM.

PERJUMPAAN DENGAN AHLI DI UITM KELANTAN PADA 17 FEBRUARI 2008

MITASA telah mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan ahli-ahli di UiTM Kelantan. Terima kasih kepada Haji Fauzi, wakil MITASA yang telah menguruskan aktiviti ini sehingga terhasilnya perjumpaan dengan semua kakitangan akademik di UiTM Kelantan.



Wakil Kelantan bersama EXCO.

PERJUMPAAN DENGAN DEKAN FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & ARTISTIC

MITASA telah mengadakan pertemuan dengan Prof. Dr Hatta Azad Khan, Dekan TEKKA pada 8 Januari 2009. Pertemuan tersebut adalah bagi membincangkan beberapa isu yang dibangkitkan oleh ahli MITASA.



Sesi perbincangan bersama Dekan TEKKA.

SIMPOSIUM KE ARAH MEMPERKASAKAN AKADEMIK MALAYSIA

Simposium anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama kesatuan dan persatuan akademik universiti-universiti awam Malaysia telah diadakan di Pan Pacific pada 12 Februari 2008. Beberapa orang wakil MITASA turut menyertai simposium tersebut. Simposium ini telah dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Dato Mustafa Mohammad. YBhg Dato Seri Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM turut menghadiri simposium tersebut.

Simposium sehari ini bertujuan mendapatkan input-input penting bagi penambahbaikan bidang kerjaya ahli-ahli akademik, dan meningkatkan kecemerlangan pendidikan di institusi-institusi pengajaran tinggi awam Malaysia. Beberapa kertas kerja telah dibentangkan di dalam simposium ini. Antaranya bertajuk Autonomi Universiti Awam, Memperkasa Pendidikan Malaysia dan sebagainya lagi.



EXCO di Simposium Akademik Malaysia.

PERJUMPAAN DENGAN AHLI UITM TERENGGANU PADA 25 JANUARI 2009

MITASA telah mengadakan lawatan dan perjumpaan dengan ahli-ahli MITASA di UiTM Terengganu pada 25 Januari 2009. MITASA diwakili oleh Puan Sarimah Ismail dan Puan Norliza Aminudin. Turut serta pada pertemuan tersebut, En Ab Latiff Ishak, En Mohd Sazili Shahibi, En Hashim Ahmad@Mohamed dan En Ab Wahab Mohamad. Sambutan yang diterima amat menggalakkan. Kehadiran ahli-ahli dengan pelbagai persoalan amat memberangsang dan menghuraikan pelbagai persoalan yang telah membekalkan ahli-ahli selama ini. Pertemuan secara langsung dengan ahli-ahli di Terengganu merupakan satu cara bagi MITASA mendekatkan diri secara langsung dengan ahli-ahlinya di sana. Justeru, MITASA merakamkan jutaan terima kasih kepada wakil Terengganu, En Tajul Hasnan yang telah menguruskan aktiviti ini. Terima kasih juga kepada ahli-ahli yang telah memberi sokongan moral dengan menghadiri pertemuan tersebut. Akhir sekali, tahniah kepada pensyarah-pensyarah Terengganu yang mendaftar menjadi ahli MITASA pada hari tersebut.

Pelbagai perkara telah dibangkitkan semasa pertemuan tersebut. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai 7 kriteria kenaikan pangkat bagi Gred 52. Ahli-ahli yang memohon kenaikan pangkat ke gred 52 menghadapi masalah pada kriteria ke 7, itu



bahagian "Perundingan dan Anugerah". Ahli-ahli menyuarakan kegusaran mereka pada kriteria ini yang dianggap terlalu "rigid" dan sebahagian besar ahli-ahli tidak dapat memenuhi bahagian ini, sungguhpun pada dasarnya mereka telah layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat. Kekangan ini juga menyebabkan ramai ahli-ahli yang telah senior, di Terengganu tidak memohon kenaikan pangkat ke gred 52.

Antara aduan yang diterima oleh ahli dari UiTM Terengganu ialah supaya MITASA memohon kepada pihak yang berkenaan untuk diper mudahkan kriteria kenaikan pangkat ke DM52 untuk ahli-ahli yang telah senior dan pertimbangan sewajarnya diberikan kepada mereka yang perkhidmatannya majoriti melebihi 15 tahun. Ahli Terengganu juga meminta MITASA memperbanyakkan aktiviti di kampus cawangan dengan mewujudkan satu jawatankuasa peringkat cawangan di setiap cawangan UiTM. Ahli juga mencadangkan Kelab Akademik sebagai Jawatankuasa kecil MITASA-Terengganu. Dalam pertemuan tersebut juga satu usul telah dicadangkan iaitu pensyarah yang telah berkhidmat lebih dari sepuluh tahun diberi priority untuk kenaikan pangkat ke DM52 meskipun tiada 'research'. Untuk Penolong Pensyarah, MITASA akan memohon diwujudkan Gred 32.



Wakil Mitasa bersama ahli di Terengganu.

PERJUMPAAN DENGAN AHLI UITM KEDAH PADA 1 MAC 2009

Lawatan dan pertemuan EXCO MITASA ke UiTM Kedah telah diadakan dengan jayanya. EXCO MITASA diwakili oleh En Ab Latiff Ishak, Presiden MITASA dan En Mohd Sazili Shahibi, Setiausaha Agung MITASA. Terimakasih kepada wakil MITASA dan ahli semua yang telah memberikan kerjasama yang baik semasa sesi perjumpaan tersebut. Berbagai isu mengenai skim perkhidmatan pensyarah telah dibincangkan. Antara isu penting yang dibincangkan ialah isu kenaikan pangkat pensyarah DM45 kepada DM52. MITASA juga menerima beberapa aduan mengenai perkhidmatan semasa sesi perjumpaan tersebut. Tahniah kepada ahli baru yang telah mendaftar pada hari tersebut.

PERJUMPAAN DENGAN AHLI UITM SARAWAK PADA 6 MAC 2009

Taklimat bersama ahli-ahli MITASA dengan wakil EXCO MITASA telah dijalankan dengan jayanya pada 6/3/2009 di UiTM cawangan Sarawak. Pihak MITASA ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Timbalan Pengarah UiTM Sarawak, Prof. Madya Dr. Hajah Fatimah Bujang dan Timbalan Pendaftar Kanan, Encik Ahmad Lofti Ariffin di atas kerjasama dan layanan baik yang diberikan kepada wakil EXCO MITASA iaitu Puan Rezian-Na Muhammad Kassim dan Puan Hiruani Haslina binti Che Hassan. Terima kasih juga diucapkan kepada PM Dr Rashidee Haji Alwi sekeluarga yang telah meraikan wakil MITASA dan juga tetamu-tetamu yang hadir.

Hampir 25 orang kakitangan akademik yang menghadiri taklimat tersebut dan 16 ahli baru berjaya didaftarkan. Di akhir sessi taklimat tersebut banyak isu-isu sensasi seperti Rayuan Kenaikan Pangkat Pensyarah DM45 ke DM52, status sebagai Pensyarah kontrak, persaraan, beban tugas pensyarah dan lain-lain. Isu-isu tersebut akan dibincangkan dan diperpanjangkan kepada pihak yang berkaitan. Pihak MITASA berharap lebih ramai lagi warga kakitangan akademik akan menjadi ahli MITASA di masa akan datang. Sila hubungi En Mohd Shah bin Mahat PPB, wakil Sarawak untuk keterangan lanjut.



PM Dr. Hajah Fatimah Bujang dan En. Ahmad Lofti bersama Wakil MITASA.

LAMAN WEB MITASA

Ahli-ahli kini dapat mengekses laman web MITASA untuk mendapatkan berita terkini mengenai MITASA. Untuk mendapatkan berita segera ke email masing-masing, setiap ahli dikehendaki mendaftar di laman MITASA. Pendaftaran segera amat diharapkan bagi meningkatkan kecekapan penyaluran maklumat kepada ahli-ahli semua.

MAJLIS MERAIKAN BEKAS SETIAUSAHA AGUNG MITASA

MITASA telah mengambil kesempatan mengadakan majlis berbuka puasa sebagai menghargai dua orang bekas Setiausaha Agung MITASA yang terpaksa melepaskan jawatan di dalam MITASA. Beliau ialah En Mohd Hanapiah Mohd Yusoff yang telah cuti belajar dan Dr Mohamed Azam Mohamed Adil yang terpaksa melepaskan jawatan kerana telah mendapat kenaikan pangkat ke DM54. Terima kasih kepada keduanya di atas sumbangan dan bakti mereka selama bersama MITASA.



PM Dr. Mohamad Azam and En. Hanapiah Yusoff bersama EXCO.

WAKIL MITASA KAMPUS CAWANGAN

Rosli Noormi
Universiti Teknologi MARA
Kampus Negeri Sembilan
Tel: 012-3198276
Emel : rosli2b@uitm.edu.my

Hj Mohamad Nawawy bin Jusoh
Universiti Teknologi MARA
Kampus Pahang
Tel: 019-9368401

Mohammad Nor Afandi Ibrahim
Universiti Teknologi MARA
Kampus Melaka
Tel: 012-6844076 /06-5561920
Emel: afandi664@melaka.uitm.edu.my

Mohd Tajul Hasnan bin Mohd Tajuddin
Universiti Teknologi MARA
Kampus Terengganu
Tel: 013-9316631

Haji Wan Fauzi bin Wan Mamat
Universiti Teknologi MARA
Kampus Kelantan
Tel: 019-9375252
Emel: wfauzi012@kelantan.uitm.edu.my

Ridzuan bin Md Taib
Universiti Teknologi MARA
Kampus Perak
Tel: 012-3557135
Emel: ridzu061@perak.uitm.edu.my

Bakri bin Ali
Universiti Teknologi MARA
Kampus P.Pinang
Tel: 04-3982655 / 019-4054104

Nordin bin Mohamad
Universiti Teknologi MARA
Kampus Perlis.
Tel: 04-9385028

Noordin bin Yahya
Universiti Teknologi MARA
Kampus Johor
Emel: noordinyahaya@yahoo.com
Tel: 013-7488706

Khairul Adilah bt Ahmad
Universiti Teknologi MARA
Kampus Kedah
Tel: 019-4791372

Suriiani Jack / Mohd Shah bin Mahat, PPB,MBA
Universiti Teknologi MARA
Kampus Sarawak
Tel : 019-8884422 (Pn Suriani)
012-8569529 (En Mohd Shah)

MESYUARAT BERSAMA JABATAN (MBJ)

MBJ BIL. 1/2008 TELAH DIADAKAN PADA 18 MAC 2008. ANTARA ISU YANG DIBAWA DAN KEPUTUSAN YANG DIPEROLEHI JALAH:

Usul 1 : Memohon Penolong Pendaftar berpengalaman di Fakulti.

Keputusan :

Setiap Fakulti telah diperuntukkan 2 orang Penolong Pendaftar iaitu Penolong Pendaftar Akademik dan Penolong Pendaftar Pentadbiran. Sekiranya Penolong Pendaftar baru dan tidak mempunyai pengalaman, Pegawai Eksekutif adalah dipertanggungjawabkan untuk membimbangkan mereka.

Usul 2 : Penyemakan semula elauan-elauan bagi Dekan/Timbalan Dekan, Ketua Jabatan, Koordinator supaya setaraf dengan IPTA tempatan yang lain.

Keputusan :

Perkara ini sedang dikaji oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik.

Usul 3 : Ketiadaan anjakan gaji/kenaikan pangkat bagi melayakkkan seseorang pensyarah untuk mengambil Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK) yang lebih tinggi.

Keputusan :

Anjakan gaji tidak diberikan secara automatik kepada staf yang lulus PTK. Ia dilaksanakan mengikut keputusan PPSM (Induk) dan

berdasarkan kuota dan selepas melalui proses penilaian. Peraturan anjakan gaji tidak membenarkan staf menduduki PTK di tahap yang lebih tinggi, sekiranya staf berkenaan belum mendapat anjakan gaji di tahap kecekapan yang sesuai atau staf berkenaan belum naik pangkat.

Usul 4 : Penjelasan mengenai pensyarah yang cuti belajar dan lulus PTK, tetapi tidak mendapat anjakan gaji.

Keputusan :

Staf akademik dan bukan akademik yang sedang dalam pengajian ditangguhkan urusan anjakan gaji sehingga mendapat keputusan pengajian.

Usul 5 : Pensyarah Kontrak tidak disambung perkhidmatan.

Keputusan :

Penyambungan perkhidmatan pensyarah kontrak dipertimbangkan mengikut kes seseorang berdasarkan dasar perlantikan pesara, keperluan fakulti, pelan pengantian, LNPT>80%, syarat tambahan perlantikan dan kesihatan.

Usul 6 : Penangguhan Kenaikan Pangkat ke DM52 kerana tiada Dekan.

Keputusan :

Isu telah diselesaikan.

Usul 7 : Kenaikan Pangkat ke DM52 kepada Pensyarah yang cuti

belajar.

Keputusan :
Pensyarah yang cukup syarat adalah layak memohon kenaikan pangkat.

Usul 8 : Pemansuhan tempoh menunggu Tiga Tahun untuk memohon kenaikan pangkat ke DM54.

Keputusan :
Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pensyarah yang terkini Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pensyarah yang terkini mensyaratkan tempoh minima berada di jawatan semasa 3 tahun, sebelum staf layak memohon ke jawatan berikutnya.

Usul 9 : MBJ diadakan 4 kali setahun.

Keputusan :
Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.

MBJ BIL. 2/2008 TELAH DIADAKAN PADA 14 MEI 2008. ANTARA ISU YANG DIBAWA DAN KEPUTUSAN YANG DIPEROLEHI IALAH:

Usul 1 : Kursus untuk Dekan.

Keputusan:
Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berkenaan.

Usul 2 : Peruntukan Khas Tahunan untuk Penyediaan Kertas Cadangan Penyelidikan.

Keputusan:
Mesyuarat mengambil maklum tentang perkara ini.

Usul 3 : Peruntukan Khas untuk Pengubalan Soalan Peperiksaan.

Keputusan:
Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berkenaan.

Usul 4 : Yuran PhD RM500.

Keputusan:
Mesyuarat mohon pihak MITASA menyerahkan satu kertas kerja kepada pihak Bendahari untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan untuk kelulusan.

Usul 5 : Peranan Alumni.

Keputusan:
Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berkenaan.

Usul 6 : Cadangan memberi ganjaran kepada pensyarah.

Keputusan:
Pihak HEA diarahkan untuk menyediakan satu garis panduan untuk membuat bayaran kepada pensyarah-pensyarah yang menyumbangkan artikel di dalam jurnal-jurnal 'high impact', insentif kepada pensyarah-pensyarah yang menerbitkan artikel di dalam jurnal-jurnal 'high impact' dan terkemuka dan pembentangan JKE akan dilakukan pada 21 Mei 2008.

Usul 7 : Cuti bergaji penuh kepada pensyarah 40 tahun dan ke atas yang melanjutkan pengajian PhD.

Keputusan:
Pihak Pengurusan akan mengkaji implikasi ini terhadap universiti.

Usul 8 : Elaun pensyarah sambilan.

Keputusan:

Pihak pengurusan akan mengambil maklum akan perkara ini dan akan mengkaji implikasi kos.

Usul 9 : Kafeteria Kampus Puncak Perdana.

Keputusan :
Mesyuarat mengambil maklum akan perkara berkenaan.

MBJ BIL. 3/2008 TELAH DIADAKAN PADA 14 MEI 2008. ANTARA ISU YANG DIBAWA DAN KEPUTUSAN YANG DIPEROLEHI IALAH:

Usul 1: Memohon dipercepatkan pembinaan Kafeteria Kampus Puncak Perdana.

Keputusan :
Perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat JKK. UiTM telah membeli sebidang tanah di Puncak Alam. Bangunan baru untuk TEKKA dan café akan dibina di sana.

Usul 2: Aduan Kebersihan Kafetaria FKPM

Keputusan :
Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan untuk melihat semula semua café.

Usul 3: Isu penyediaan Kertas Soalan. MITASA mencadangkan pemilihan kertas soalan peperiksaan ditentukan oleh pensyarah.

Keputusan :
Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.

Usul 4: Memohon Penjelasan Pekelingiling Naib Canselor mengenai cuti yang tidak dapat diambil semasa minggu kuliah.

Keputusan :
Ianya adalah untuk mengelakkan pensyarah mengambil cuti sewenang-wenangnya disamping mengalakkan pensyarah merancang cuti mereka. Mesyuarat mengambil maklum perkara ini.

Usul 5: Memohon tidak dinafikan kenaikan pangkat ke jawatan pensyarah kanan untuk pensyarah yang menunggu tarikh lulus Ijazah kedoktoran.

Keputusan :
Pensyarah yang tidak tamat PhD diberi tempoh penalti selama dua tahun. Jika lulus dalam tempoh tersebut mereka layak dinaikkan pangkat ke Gred DM52 berkuatkuasa tarikh lulus PhD.
Pensyarah yang gagal dalam tempoh penalti hanya layak dinaikkan pangkat selepas tempoh 2 tahun penalti berakhir.

Usul 6:Memohon penjelasan berkaitan pembinaan Hospital UiTM.

Keputusan :
Pembinaan Hospital akan dilakukan semasa fasa 3 pembinaan Kampus Puncak Alam.

MBJ BIL. 4/2008 TELAH DIADAKAN PADA 20 NOVEMBER 2008. ANTARA ISU YANG DIBAWA DAN KEPUTUSAN YANG DIPEROLEHI IALAH:

Usul 1: Elaun Kritikal bagi Pensyarah Fakulti Kesihatan

Keputusan
Mesyuarat mengambil maklum perkara ini dan meminta MITASA perincikan lagi usul ini.

Sepanjang Tahun 2008, pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh pihak MITASA. Antara aktiviti tersebut:

1. Perkara / Aktiviti : Bengkel Akademik Malaysia
Tempat : Universiti Malaysia Sabah (UniMAS)
Tarikh : 1 - 3 Februari 2008
2. Perkara / Aktiviti : Bengkel Sehari di KPT
Tempat : Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya
Tarikh : 14 Februari 2008
3. Perkara / Aktiviti : Lawatan ke UiTM Kelantan
Tempat : UiTM Kelantan
Tarikh : 17 Februari 2008
4. Perkara / Aktiviti : Mesyuarat MBJ Bil.1/08
Tempat : Bilik Mesyuarat Chanselor, UiTM Shah Alam
Tarikh : 18 Mac 2008
5. Perkara / Aktiviti : Kursus Induksi Bil.94/08
Tempat : Pusat Latihan UiTM, Kg.Gajah, Perak
Tarikh : 12 – 14 Februari 2008
6. Perkara / Aktiviti : Pertemuan dengan HEA mengenai Penyediaan Bank Soalan Akhir
Tempat : Bilik Mesyuarat HEA, UiTM Shah Alam
Tarikh : 26 Mac 2008
7. Perkara / Aktiviti : Perjumpaan dengan KPT & CUEPACS
Tempat : Kementerian Pengajian Tinggi & CUEPACS
Tarikh : 28 April 2008
8. Perkara / Aktiviti : Kursus Induksi Bil.96/08
Tempat : Pusat Latihan UiTM, Kg.Gajah, Perak
Tarikh : 14 -16 Mei 2008
9. Perkara / Aktiviti : Mesyuarat MBJ Bil.2/08
Tempat : Bilik Mesyuarat Canselor, UiTM Shah Alam
Tarikh : 14 Mei 2008
10. Perkara / Aktiviti : Kursus Induksi Bil.97/08
Tempat : Pusat Latihan UiTM, Kg.Gajah, Perak
Tarikh : 11 -13 Jun 2008
11. Perkara / Aktiviti : Mesyuarat Grd Kuasa Dua Tempatan & Badan-Badan Berkanun CUEPACS Bil.2 (2007-2010)
Tempat : Bilik Mesyuarat CUEPACS
Tarikh : 27 Jun 2008
12. Perkara / Aktiviti : Mesyuarat MBJ Bil.3/08
Tempat : Bilik Mesyuarat Canselor, UiTM Shah Alam
Tarikh : 12 September 2008
13. Perkara / Aktiviti : Kunjungan Hormat Menteri Pengajian Tinggi
Tempat : Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya
Tarikh : 23 Oktober 2008
14. Perkara / Aktiviti : Mesyuarat MBJ Bil.4/08
Tempat : Bilik Mesyuarat Canselor, UiTM Shah Alam
Tarikh : 20 November 2008
15. Perkara / Aktiviti : Pertemuan dengan Dekan Fakulti Tek. Kreatif dan Artistik
Tempat : Bilik Dekan
Tarikh : 8 Januari 2009
16. Perkara / Aktiviti : Lawatan Berjuma Ahli di UiTM Terengganu
Tempat : UiTM Terengganu
Tarikh : 25 Januari 2009
17. Perkara / Aktiviti : Mesyuarat MBJ Bil.1/2009
Tempat : Bilik Mesyuarat Canselor, UiTM Shah Alam
Tarikh : 3 Februari 2009

CATATAN SEORANG PENDIDIK

Catatan Seorang Pendidik.... menyedarkan ruang bagi warga MITASA berkongsikan pengalaman mengenal bidaan hakikil kita sebagai pendidik peringkat pengajaran tinggi agar dapat dijadikan contoh amalan terbaik proses pengajaran-pembelajaran, khususnya di UiTM. Sumbangan warga MITASA dialukan demi memperkasa proses pendidikan ke arah menjadikan graduan UiTM sebagai pilihan utama, dan warga akademik UiTM sebagai warga cemerlang.

Sila kirimkan catatan anda kepada Editor Buletin MITASA. Sila sertakan nama penuh dan Kampus dan Fakulti/Pusat Pengajaran/Jabatan di mana anda bertugas. Bagaimanapun, anda dibenarkan menggunakan nama samaran bagi tujuan penyiaran. Catatan anda boleh ditulis sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Setiap catatan mestilah tidak melebihi

500 patah perkataan, dan bahan yang dikirim haruslah berkisar pada hubungan baik pelajar-pensyarah atau mempamerkan keperibadian pensyarah sebagai contoh ikutan. Catatan yang layak diterbitkan dalam Buletin MITASA adalah berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui oleh Sidang Redaksi.

A few years into my career in then ITM, which began in 1990, I was approached by one of my students after class. He started off by asking if I knew Puan so-and-so. I replied that we were colleagues. He said she taught them in a previous semester. What came next was unexpected, to put it mildly, and marked a turning point in my *raison d'être* as an educator. The encounter had left such an indelible mark in my life that I can still remember the student and his exact words. Azman Senun was the son of a policeman based in Cheras; among

others, he said: "...bila kami tak jawab soalan, dia kata kami bodoh... jadi kami buat bodoh la... buat apa kami nak tunjuk kami tahu..." (This was one of the few occasions I did not protest when my students chose not to speak to me in English.)

That conversation came about close two my second month teaching this group of boys. Azman must have felt bad that his classmates were perpetually reluctant to respond to my questions during reading lessons – I would always end up answering my own questions. He must have seen too my persistence at making the class as interesting as possible, thus took pity on me and decided to explain the reason behind their seeming lack of interest in class. That had really helped me understand my students better and how to better approach the problem of attitude towards learning the

| MAKLUMAN

MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN KALI KE-29

Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ke-29 akan diadakan pada 13 Ogos 2009. Jawatan yang akan dipertandingkan untuk mengisi Majlis Kerja MITASA ialah:

- | | | |
|-------------------------------|---|-----------|
| 1. <i>Presiden</i> | - | 1 Jawatan |
| 2. <i>Timbalan Presiden</i> | - | 1 Jawatan |
| 3. <i>Setiausaha</i> | - | 1 Jawatan |
| 4. <i>Penolong Setiausaha</i> | - | 1 Jawatan |
| 5. <i>Bendahari</i> | - | 1 Jawatan |
| 6. <i>Ahli Majlis Kerja</i> | - | 6 Jawatan |

Notis pertama akan dikeluarkan secara rasmi pada bulan Julai 2009 nanti.



ADVENTURE COMMUNITY CENTER SUKABUMI, KENDONG, NEGERI SEMBILAN

WHAT WE OFFER

- Teambuilding
- Summer Camp
- Family Day
- Meals & Dining Function ('Kampung' Style)
- Adventure Race
- Rainforest and Stream Trekking
- Mountain Climbing Expedition
- Giant Tree Expedition



CONTACT US

Paximej (M) Sdn. Bhd.

Administrator of Adventure Community

No 87A Jalan Snuker 13/28, Tadisma Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor.

Tel: 603-55120733/603-55128552 Fax: 603-55106414

Website : www.adventurecommunity.com E-mail : info@adventurecommunity.com



APPLY YOUR TAKAFUL TODAY!!

1. TAKAFUL EDUCATION

(Saving + Investment + Juvenile Protection)

2. TAKAFUL RETIREMENT PLAN

(Investment + Protection)

3. TAKAFUL INCOME PROTECTION

(Protection + Saving)

4. TAKAFUL WOMAN PROTECTION

(Saving + Woman Illness Protection + Maternity Protection)

5. TAKAFUL CANCERCARE

(Protection for cancer disease)

6. TAKAFUL MEDICAL CARD

(The ONLY Cashless Hospital Card / No co-payment + Low Premium)

7. TAKAFUL P.A

(Low Premium + cover all unexpected incident)

WE ARE LOOKING FOR NEW CONSULTANT!!



Aidil Adnan & Partners Consultancy

(Representing MAA Takaful Berhad)

TINGKAT 2, NO 27, JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH 9/J, SEKSYEN 9,

40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

CALL/SMS : 012-304 4444 EMAIL : aidiladnan_partner@yahoo.com